

**MOHAMAD AKMAL Ibrahim**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

**IMPAK PERJANJIAN ASAS HUBUNGAN PERDAGANGAN DAN  
EKONOMI MALAYSIA DAN INDONESIA DALAM KERJASAMA  
EKONOMI DARI TAHUN 1967 HINGGA 1976**

***THE IMPACT OF THE BASIC ARRANGEMENT ON TRADE AND  
ECONOMIC RELATIONS OF MALAYSIA AND INDONESIA ON THE  
ECONOMIC COOPERATION FROM 1967 TO 1976***

*Ketika era konfrontasi berlaku antara Malaysia dan Indonesia, Presiden Sukarno telah menjalankan konfrontasi politik dan ekonomi terhadap Malaysia. Keadaan ini telah menyebabkan aktiviti ekonomi antara Malaysia dan Indonesia terhenti terutama dalam sektor perdagangan. Kesan daripada konfrontasi ekonomi, perdagangan Malaysia dan Indonesia menurun akibat Indonesia memberhentikan mengeksport bahan mentah iaitu getah dan bijih timah ke Pulau Pinang untuk diproses. Indonesia juga terpaksa membayar kos yang tinggi untuk memproses bijih timah dan getah ke Eropah. Selepas kejatuhan Presiden Sukarno, munculnya order Baru era Presiden Suharto. Presiden Suharto telah menjalin semula hubungan diplomatik dan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia melalui Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Malaysia dan Indonesia pada tahun 1967. Kajian akan mengkaji impak Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi di Malaysia dan Indonesia terhadap kerjasama ekonomi perdagangan. Kajian mendapati Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Malaysia dan Indonesia merupakan era pemulihan hubungan kerjasama ekonomi yang lebih aktif. Banyak bidang kerjasama dalam ekonomi diperbaharui oleh kedua-dua negara terutama dalam menangani isu-isu ekonomi yang berkaitan dengan penyeludupan barangan, isu-isu perikanan dan persempadanan laut, dan kerjasama perdagangan darat dan laut yang menjadi hubungan asas ekonomi Malaysia dan Indonesia.*

**Kata kunci:** *Perdagangan, Perjanjian Asas Ekonomi dan Perdagangan, Malaysia, Indonesia, Kerjasama Ekonomi.*

*During the confrontation era between Malaysia and Indonesia, President Sukarno had carried out political and economic confrontations against Malaysia. This situation has caused economic activity between Malaysia and Indonesia to stop especially in the*

*trading sector. The effect of economic confrontation, Malaysia and Indonesia's trade declined as Indonesia stopped exporting raw materials such as rubber and tin to Penang to be processed. Likewise, Indonesia too had to pay high costs to export tin and rubber to Europe. After the fall of President Sukarno, the emergence of a new order under President Suharto's era. President Suharto has re-established the diplomatic and economic cooperation between Malaysia and Indonesia through the Basic Arrangement on Trade and Economic Relations Malaysia and Indonesia in 1967. The study will examine the impact of the Economic and Trade Relations Basic Arrangement in Malaysia and Indonesia on the economic cooperation of Malaysia and Indonesia in trade. The study found that the Basic Arrangement on Trade and Economic Relations Malaysia and Indonesia was an era of more active economic recovery. Many areas of cooperation in the economy are renewed by the two countries especially in dealing with economic issues related to smuggling of goods, fishery issues and marine delineation, and land and sea trade cooperation which are the basic relationships of the Malaysian and Indonesian economy.*

**Keywords:** *Trade, Basic Arrangement Trade and Economic, Malaysia, Indonesia, Economic Cooperation.*

## **Pendahuluan**

Hubungan Malaysia dan Indonesia sudah mula terjalin sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan lagi terutama dalam hubungan sosio-ekonomi. Pada tahun 1957, Malaysia mencapai kemerdekaan dan hubungan diplomatik terus diperkukuhkan dalam kerjasama politik, ekonomi dan sosial. Kemerdekaan Malaysia ketika itu disambut baik oleh Presiden Sukarno. Namun demikian, beberapa isu yang melibatkan kedua-dua negara iaitu isu Irian Barat dan ketidaksamaan ideologi politik antara Tunku Abdul Rahman dan Sukarno telah menimbulkan konflik hubungan kedua-dua negara. Keadaan menjadi lebih rumit apabila isu Gagasan Malaysia telah dibantah Sukarno kerana menganggap Gagasan Malaysia sebagai neo-kolonialisme dan kecenderungan Sukarno mendokong ideologi komunis. Ini menyebabkan Sukarno telah mengambil tindakan konfrontasi terhadap Malaysia dalam hubungan politik dan juga ekonomi. Ini sekaligus telah menyebabkan aktiviti ekonomi terutama perdagangan barter antara kedua-dua negara terjejas.

Konfrontasi berlangsung dari tahun 1963 sehingga penghujung tahun 1966 yang menyebabkan aktiviti ekonomi kedua-dua negara terbantut. Hanya selepas Perjanjian Perdamaian Malaysia dan Indonesia pada 11 Ogos 1966 telah membuka lembaran baharu dalam hubungan Malaysia dan Indonesia

pasca konfrontasi. Pada 11 Mei 1967, kerjasama ekonomi yang merupakan suatu sejarah baru dalam hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia dengan termaterai Perjanjian Asas Perdagangan dan Ekonomi Malaysia dan Indonesia. Ini telah membuka semula kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia era Tun Abdul Razak dan Suharto dalam memulihkan hubungan ekonomi kedua-dua negara.

Dalam artikel ini, kajian akan menganalisis intipati Perjanjian Asas Perdagangan dan Ekonomi Malaysia dan Indonesia yang memberi impak hubungan kerjasama ekonomi dan perdagangan kedua-dua negara. Kajian menumpukan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia pasca konfrontasi dalam bidang utama ekonomi dan perdagangan. Sumber primer dan sekunder menjadi bahan rujukan utama kajian terutama dokumen-dokumen kajian mengenai perjanjian ekonomi serta fail-fail kerajaan berkaitan ekonomi dan perdagangan dalam tempoh tahun 1967 hingga 1976. Ini penting bagi melihat perkembangan dan perubahan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia. Perbincangan akan dilakukan berdasarkan dua fasa iaitu fasa intipati perjanjian asas ekonomi dan fasa impak perkembangan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia. Kajian ini menjadikan tahun 1967 sebagai asas perjanjian pemulihan ekonomi dan perdagangan dengan menumpukan era Tun Abdul Razak sebagai tempoh batasan kajian sehingga tahun 1976 yang menjadi watak penting dalam pemulihan hubungan ekonomi dan politik dengan Indonesia.

Berkaitan Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Malaysia dan Indonesia dalam kerjasama ekonomi kedua-dua negara, terdapat beberapa penulisan terdahulu menjadi rujukan dalam menghasilkan kajian. Antaranya kajian yang bertajuk 'The Politics of Indonesia-Malaysia Relations One Kin, Two Nations' oleh Joseph Liew (2005). Kajian ini menyentuh hubungan bilateral Malaysia dan Indonesia dalam kerjasama ekonomi dengan menumpukan permasalahan isu Tenaga Kerja Indonesia (TKI).<sup>1</sup> Perbincangan berkaitan kerjasama dan permasalahan ekonomi kedua-dua negara hanya dibincangkan secara ringkas kerana kajian lebih menumpukan hubungan politik kedua-dua negara. Selain itu, kajian yang bertajuk Hubungan Malaysia-Indonesia oleh Kunaseelan (1996) turut membincangkan hubungan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia. Artikel ini turut memperihalkan Perjanjian Asas Perdagangan dan Ekonomi Malaysia dan Indonesia secara umum berdasarkan sektor-sektor ekonomi utama.<sup>2</sup> Secara rumusnya, kajian impak Perjanjian Asas Perdagangan dan Ekonomi adalah bertujuan untuk meneroka ruang yang ditinggalkan secara lebih menyeluruh. Setakat ini belum ada kajian secara holistik berkaitan dengan perjanjian asas ini.

## **Intipati Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Malaysia dan Indonesia**

Pada 11 Mei 1967, Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi

telah mencapai persetujuan bersama antara Malaysia dan Indonesia yang telah diadakan di Kuala Lumpur. Dalam mempertingkatkan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara, Malaysia dan Indonesia telah menandatangani Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi yang meliputi aktiviti perdagangan, pemasaran perdagangan, kerjasama ekonomi dan teknikal dalam pelbagai bidang termasuk perkapalan, perikanan, industri membina kapal, pengeluar bahan mentah seperti getah dan bijih timah. Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi adalah suatu usaha untuk membincangkan hal ehwal ekonomi melalui cadangan dan tuntutan kedua-dua pihak daripada Malaysia dan Indonesia. Terdapat beberapa siri persidangan untuk membincangkan bersama bagi mencapai kata sepakat mengenai kerjasama ekonomi yang akan dijalankan. Terdapat dua persidangan utama Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Malaysia dan Indonesia yang membincangkan draf-draf yang diusulkan oleh kedua-dua negara untuk mencari mekanisme bersama dalam kerjasama ekonomi. Perjanjian ini merupakan perintis kepada Kementerian lain memperkembangkan rangkaian hubungan kerjasama Malaysia dan Indonesia. Antara perbincangan yang dilanjutkan tentang wilayah sempadan perikanan, aktiviti perdagangan, peluang penyelidikan dalam pertanian dan beberapa lagi isu ekonomi berkaitan dengan komoditi getah dan sumber asli. Dalam persidangan pertama, perjanjian asas ekonomi Malaysia dan Indonesia adalah bertujuan sebagai termaterai kepada pemulihan hubungan ekonomi yang terhenti ketika konfrontasi dan pembukaan semula kerjasama aktiviti ekonomi kedua-dua negara terutama dalam sektor perdagangan.

Pada 24-28 Mac 1969 siri kedua perbincangan Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi telah diadakan di Kuala Lumpur. Antara isu yang dibincangkan berkaitan:

1. Masalah daripada asas pengurusan yang bermula dalam hubungan ekonomi dan perdagangan. Masalah pengurusan yang dibincangkan adalah melibatkan isu-isu teknikal dalam hubungan ekonomi kedua-dua negara terutama berkaitan cukai perdagangan dan barangan yang didagangkan.
2. Prosedur tentang persempadanan lautan. Perbincangan prosedur ini melibatkan wilayah-wilayah sempadan laut yang tidak jelas akan dibincangkan bagi menentukan hak wilayah antara Malaysia dan Indonesia mengikut piawaian undang-undang antarabangsa.
3. Kerjasama ekonomi sektor getah, timah, kelapa sawit, lada hitam, hasil hutan, perikanan, ternakan dan perkapalan. Kerjasama ini melibatkan isu harga komoditi, perdagangan dan pasaran.
4. Kerjasama teknikal getah, timah dan kelapa sawit.

- Kerjasama teknikal lebih melibatkan penyelidikan bagi meningkatkan hasil komoditi dan peluang pasaran di peringkat antarabangsa.
5. Penyusunan perbankan dan pertukaran mata wang asing dalam pelaburan langsung. Mengemaskini sistem perbankan dan kewangan dalam perdagangan dan pelaburan yang lebih sistematik antara Malaysia dan Indonesia.
  6. Mempromosikan import dan ekport perdagangan secara perdagangan langsung. Malaysia dan Indonesia akan mempromosi barangan masing-masing untuk didagangkan antara kedua-dua negara bagi meningkatkan nilai perdagangan.

Penglibatan kementerian utama negara telah melibatkan diri secara langsung dengan kementerian kerajaan Indonesia dalam menamatkan draf dan tuntutan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia. Antara kementerian dan agensi yang terlibat dalam Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi terbahagi kepada dua iaitu kerjasama suruhanjaya ekonomi dan kerjasama ekonomi dan teknikal.<sup>3</sup>

Antara agensi dan kementerian yang terlibat dalam kerjasama suruhanjaya ekonomi ialah:

1. Bahagian perdagangan ekonomi, Kementerian Perdagangan dan Industri berkaitan masalah dan isu berkaitan dengan Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi.
2. Kementerian Hal Ehwal Negeri berkaitan prosedur garisan persempadanan perdagangan laut dan darat.
3. Bahagian Industri, Kementerian Perdagangan dan Industri berkaitan Mempromosi perdagangan import dan eksport.
4. Bank Negara Malaysia berkaitan perbankan dan penyelarasan pertukaran mata wang asing.
5. Kementerian Perdagangan dan Industri berkaitan Pemprosesan getah bergred rendah daripada Indonesia.
6. Kementerian Perdagangan dan Industri berkaitan isu bijih timah.
7. Kementerian Pengangkutan berkaitan isu perkapalan atau kargo.
8. Kementerian Pertanian dan Tanah berkaitan isu perikanan.

Penglibatan kementerian-kementerian utama negara membuktikan bahawa perjanjian asas ekonomi yang dilaksanakan tidak terhad kepada isu perdagangan namun dalam isu-isu lain dalam ekonomi antara Malaysia dan Indonesia. Melalui kerjasama ini, pembangunan ekonomi Malaysia dapat

dipertingkatkan dalam bidang-bidang utama yang menjadi nilai tambah hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia.

Antara agensi dan kementerian yang terlibat dalam kerjasama ekonomi dan teknikal ialah:

1. Bahagian perdagangan ekonomi, Kementerian Perdagangan dan Industri berkaitan kerjasama ekonomi getah, kelapa sawit, lada hitam dan bijih timah.
2. Bahagian ekonomi perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Industri berkaitan kerjasama sektor pembuatan dan pemprosesan.
3. Kementerian Pertanian dan Tanah berkaitan kerjasama perikanan, perhutanan dan penternakan haiwan.
4. Kementerian Pengangkutan berkaitan kerjasama perkapalan.

Terdapat beberapa perjanjian baharu yang ditandatangani antara Malaysia dan Indonesia hasil daripada lanjutan kerjasama dalam Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi 1967. Antaranya perjanjian Perdagangan Sempadan, 1970, Perjanjian mengenai Kemudahan-Kemudahan Perjalanan bagi Persempadanan Laut, 1973, Perjanjian mengenai Persempadanan Pelantar Benua, 1969 dan Perjanjian mengenai Persempadanan Laut Wilayah Kedua Negara di Selat Melaka, 1970. Dalam kerjasama ekonomi beberapa perjanjian telah diperbaharui dan ditambah sesuai dengan perkembangan kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia seperti Perjanjian Asas mengenai Kerjasama Ekonomi dan Teknik, 1973 yang mula berkuatkuasa pada 20 Disember 1974 menggantikan urusan Perjanjian Asas mengenai Perdagangan dan Ekonomi 1967. Sebelum Perjanjian Asas, 1973 ditandatangani, semua draf-draf perjanjian mengenai bidang-bidang perdagangan, perhutanan, perkapalan kerjasama teknik, perikanan dan sebagainya telah ditimbang oleh sebuah jawatankuasa pegawai daripada Malaysia iaitu "*Trade Policy and Negotiation Advisory Committee (TPNAC)*" sedangkan selepas itu tugas ini telah dijalankan oleh "*Committee of Officials on Foreign Trade and Investment (COFTI)*" yang dipengerusikan oleh penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri.<sup>4</sup>

Perjanjian Asas 1973 memperuntukkan penubuhan sebuah suruhanjaya bersama Malaysia-Indonesia mengenai kerjasama ekonomi dan teknik. Berdasarkan Perjanjian Asas 1973, terdapat beberapa perjanjian-perjanjian tambahan seperti:

1. Perjanjian mengenai Kerjasama Teknik dan Saintifik 1973.
2. Perjanjian Perdagangan 1973.
3. Perjanjian mengenai Hal-Hal Perkapalan 1973.
4. Perjanjian mengenai Perhutanan 1973.

Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi tahun 1967 telah membawa impak kepada beberapa perjanjian baharu. Selain itu, perjanjian ini juga turut mempertingkatkan aktiviti ekonomi Malaysia terutama dalam komoditi getah dan kelapa sawit. Berdasarkan persetujuan bersama maka Perjanjian Asas kerjasama Ekonomi dan Teknik tahun 1973 ditandatangani dengan beberapa pertambahan perjanjian dalam kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia. Ini memberi impak penting dalam hubungan perdagangan dan pelaburan ekonomi Malaysia dan Indonesia.

### **Impak Terhadap Perdagangan dan Ekonomi Malaysia dan Indonesia**

Pada 11 Mei 1967, titik permulaan hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia adalah perjanjian perdagangan Malaysia dan Indonesia. Perjanjian Perdagangan yang telah diadakan di Kementerian Luar Negeri diketuai oleh Raja Mohar Bin Raja Badiozman, Ketua perwakilan Malaysia dan Tuan Arifin Harahap, perwakilan Indonesia telah termaterai perdagangan antara kedua-dua negara. Ketika konfrontasi, Sukarno telah menjalankan konfrontasi ekonomi terhadap Malaysia. Kesan daripada konfrontasi ekonomi oleh pihak Indonesia terhadap Malaysia telah menyebabkan perdagangan barter Malaysia di dua pelabuhan utama iaitu Pelabuhan di Pulau Pinang dan Pelabuhan Swettenham (Pelabuhan Klang) mengalami kerugian teruk seperti dalam jadual satu yang menunjukkan penurunan berlaku dari tahun 1963 sehingga 1966 ketika era konfrontasi berlaku. Namun begitu, dengan adanya perjanjian perdagangan yang diperbaharui semula telah membuka landasan baharu kepada peningkatan kerjasama dalam bidang ekonomi melalui Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi. Ini dibuktikan berdasarkan jadual perdagangan barter di pelabuhan Malaysia barat.

**Jadual 1: Perdagangan Barter di Pelabuhan Malaysia Barat  
(\$ '000 Malaysia)**

| Tahun | PENANG  |        |                    | PORT SWETTENHAM |        |                    |
|-------|---------|--------|--------------------|-----------------|--------|--------------------|
|       | Import  | Export | Jumlah Perdagangan | Import          | Export | Jumlah Perdagangan |
| 1961  | 117,669 | 36,321 | 153,990            | 5,024           | 1,481  | 6,509              |
| 1962  | 151,438 | 21,310 | 172,748            | 8,773           | 916    | 9,689              |
| 1963  | 103,818 | 2,397  | 106,215            | 9,492           | 1,068  | 10,561             |
| 1964  | 3,283   | 28     | 3,311              | 7,959           | 1,400  | 9,360              |
| 1965  | 611     | 71     | 682                | 435             | -      | 435                |
| 1966  | 547     | 359    | 906                | 1,953           | 216    | 2,189              |
| 1967  | 8,741   | 2,001  | 10,742             | 4,376           | 1,567  | 5,943              |

Sumber: Diubahsuai daripada Pejabat Ekonomi, Pulau Pinang daripada statistik Pejabat Kastam.

Berdasarkan jadual satu menunjukkan nilai perdagangan Malaysia dan Indonesia di Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Swettenham dari tahun 1961 sehingga 1967. Jumlah perdagangan di Pelabuhan Pulau Pinang dan Swettenham menunjukkan penurunan yang drastik dari tahun 1963 sehingga 1966 akibat daripada konfrontasi ekonomi. Di Pelabuhan Pulau Pinang jumlah perdagangan iaitu RM 106,215,000 juta pada tahun 1963 menurun kepada RM 906, 000 ribu pada tahun 1966. Begitu juga dengan Pelabuhan Port Swetteham yang turun mengalami penurunan jumlah perdagangan iaitu dari RM10,561,000 juta pada tahun 1963 kepada RM2,189,000 juta pada tahun 1966. Ini menunjukkan ketika era konfrontasi perdagangan antara Malaysia dan Indonesia terjejas teruk telah mengakibatkan kerugian besar terhadap ekonomi Malaysia dan Indonesia. Selain itu, sekatan perdagangan yang dikenakan oleh Sukarno ketika konfrontasi ekonomi telah menyebabkan peningkatan penyeludupan barangan daripada Indonesia ke Malaysia yang merugikan kedua-dua negara. Namun begitu, selepas tamatnya konfrontasi Malaysia dan Indonesia, hubungan ekonomi kedua-dua negara berjalan semula dengan wujudnya hubungan kerjasama baharu dalam memulihkan semula ekonomi melalui Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi.

Pada 3 Jun 1968, Brigadier Jeneral Abdul Thalip telah mengunjungi Lim Swee Aun iaitu Menteri Perdagangan dan Perusahaan bagi membincangkan isu-isu ekonomi dan peluang kerjasama kedua-dua negara. Peranan yang dimainkan Duta Malaysia dan Indonesia adalah amat penting bagi membentuk draf dan usul berkaitan ekonomi. Ini dibincangkan secara serius sebelum menandatangani perjanjian atau memorandum di antara kedua-dua negara. Sejak perjanjian perdagangan 1967, beberapa siri lawatan dan rombongan ekonomi telah dijalankan oleh Malaysia dan Indonesia. Pada 28 Mei 1968, Menteri Perdagangan Indonesia, Mejar Jeneral Achmad Jusuf mengunjungi Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Lim Swee Aun untuk membincangkan peluang kerjasama berkaitan ekonomi dengan menyediakan draf berkaitan tuntutan perdagangan dan peluang kerjasama perdagangan. Pada ketika ini, perjanjian perdagangan antara Malaysia dan Indonesia turut ditandatangani oleh Lim Swee Aun dan Mejar Jeneral Ahmad Yusuf sebagai wakil kedua-dua negara yang bersepakat bekerjasama dalam perdagangan kedua-dua negara. Walaupun begitu, perjanjian yang ditandatangani merupakan perjanjian perdagangan fasa pertama. Terdapat lagi kerjasama antara kedua-dua negara dibincangkan dalam perjumpaan seterusnya. Duta Besar Indonesia ke Malaysia menjadi perantara kerajaan Indonesia dalam membincangkan kemajuan dan peluang kerjasama ekonomi yang boleh dijalankan.<sup>5</sup>

Perjanjian Persahabatan Malaysia dan Indonesia telah memperkukuhkan lagi hubungan kedua-dua negara melalui lawatan Presiden Suharto pada 16 Mac 1970 ke Kuala Lumpur. Ini bertujuan untuk menandatangani kerjasama yang lebih jauh. Pada 22 September 1970, Tunku Abdul Rahman telah meletak jawatan dan diganti oleh Tun Abdul Razak



sebagai Perdana Menteri yang baharu dan melantik Tun Dr, Ismail Bin Abdul Rahman sebagai Timbalan Perdana Menteri. Tun Abdul Razak merupakan watak penting dalam hubungan dengan Indonesia kerana beliau telah terlibat secara langsung dalam memulihkan semula hubungan kedua-dua negara ketika era konfrantasi. Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri telah menjalankan dasar pragmatik dengan mengamalkan dasar berkecuali dan bersedia mengadakan hubungan dan kerjasama dengan semua negara.<sup>6</sup>

Ketika Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, hubungan dengan negara Indonesia terus diperkukuhkan dengan pelbagai bidang kerjasama dalam bidang politik, keselamatan, ekonomi dan juga sosio-budaya. Selepas tiga bulan menjadi Perdana Menteri, Tun Abdul Razak telah menjadikan Indonesia sebagai negara utama yang harus dikunjungi dengan mengadakan lawatan rasmi pada 17 Disember 1970 selama tiga hari. Ketika lawatan, Tun Abdul Razak telah berjumpa dengan pegawai-pegawai tinggi Tentera Indonesia dan turut mengunjungi Menteri Luar Indonesia, Tun Adam Malik. Melalui lawatan ini, beberapa perbincangan dan kerjasama mula dibincangkan secara serius termasuk tentang kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia.

Pada awal 1970, Menteri Perdagangan Indonesia, Dr Sumitro Djojohadikusumo telah ke Kuala Lumpur untuk lawatan rasmi perdagangan dan berjumpa Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Ismail Mohd Ali. Pada 14 Julai 1970 Menteri Perdagangan Indonesai Dr. Sumitro Djojohadikusumo tiba ke Kuala Lumpur bersama Dr Sofyan Yusuf iaitu Timbalan Menteri Perdagangan dan Mr Adidjaya Ketua Jabatan untuk lawatan empat hari yang disambut oleh Menteri Perusahaan dan Perdagangan Malaysia, Encik Mohd Khir Johari dan pembantunya Encik Abdul Taib Mahmud. Sepanjang tempoh lawatan, Menteri Perdagangan Dr Sumitro Djojohadikusumo telah melawat skim tanah pembangunan Sungai Dusun dan ladang kelapa sawit di Ulu Bernam, Selangor. Dr Sumitro menyatakan amat tertarik dengan rancangan pembangunan luar bandar yang dijalankan oleh Malaysia, walaupun menghadapi berbagai kesulitan.<sup>7</sup> Melalui lawatan ini, kedua-dua negara dapat bertukar pandangan mengenai pembangunan luar bandar yang lebih sistematik.

Sumber ekonomi Malaysia dan Indonesia yang berteraskan pertanian tanaman getah dan kelapa sawit memerlukan kerjasama bersama dalam membantu meningkatkan pengeluaran dan kestabilan harga pasaran komoditi. Selain itu, ketika lawatan ke Malaysia, Dr Sumitro Djojohadikusumo turut menyampaikan ceramah berkaitan “Dasar-dasar dan Masalah-Masalah Ekonomi di Indonesia” di Universiti Malaya. Beberapa tetamu utama turut menghadiri ceramah beliau iaitu Profesor Ungku Abdul Aziz, Naib Canselor, Universiti Malaya dan beberapa wakil Menteri Perdagangan dan Kementerian Luar iaitu Encik Abdul Taib Mahmud dan Encik Zainal Abidin Sulong. Penglibatan ahli-ahli akademik Malaysia dan Indonesia dalam membincangkan pembangunan ekonomi bersama dapat memberi idea dan pandangan dalam memajukan hubungan ekonomi Malaysia dan Indonesia umumnya.

Dalam tempoh 1970 sehingga 1977 hampir setiap tahun lawatan dan persidangan ekonomi antara Malaysia dan Indonesia giat dijalankan. Keadaan ini memberi gambaran bahawa kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia adalah sangat baik ditambah kedua-dua negara yang menjalankan perdagangan industri pertanian sebagai sumber utama ekonomi. Pada 25 Oktober 1971, Menteri Negara Ekonomi Kewangan dan Industri Indonesia iaitu Sultan Hamengku Buwano telah melawat Bilik Gerakan Negara di Kuala Lumpur. Beliau turut menerima buku dan penerangan mengenai pembangunan ekonomi Malaysia. Ini sebagai reaksi balas atas lawatan Menteri Sultan Hamengku Buwano ke Kuala Lumpur. Penerangan mengenai pembangunan ekonomi Malaysia adalah membincangkan plan Rancangan Malaysia Kedua dalam membangunkan pembangunan ekonomi dan negara dalam tempoh lima tahun. Begitu juga Indonesia, turut membangunkan plan pembangunan ekonomi lima tahun dibawah Rancangan Lima Tahun (REPELITA).

Antara impak lain Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi adalah kestabilan semula hubungan politik Malaysia dan Indonesia kerana kebergantungan bersama dalam ekonomi telah mengikat hubungan diplomatik yang lebih erat. Peranan lawatan rasmi Menteri Luar Negara dan Menteri Perdagangan dan Ekonomi bersama rakan sejawat dalam hubungan Malaysia dan Indonesia telah memberi impak positif terhadap persahabatan kedua-dua negara dan kerjasama ekonomi pada awal 1970-an. Namun begitu, peranan Perdana Menteri Malaysia dan lawatan Presiden Indonesia juga penting kerana setiap perbincangan dan pertemuan kedua-dua pucuk pimpinan utama negara akan menjadi dasar hubungan kedua-dua negara. Selain itu, pertemuan Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Indonesia juga turut membincangkan kerjasama dan masalah ekonomi di samping membincangkan isu-isu lain. Rombongan ekonomi misalnya yang hadir dengan Perdana Menteri dan Presiden adalah golongan pelabur dan perniaga yang melihat prospek ekonomi yang boleh dikembangkan oleh kedua-dua negara. Ini telah dibuktikan dengan kontrak membeli jentera pengeluar getah cara baharu dengan berharga \$150,00 telah di tandatangani oleh wakil-wakil Kerajaan Indonesia dari Sumatra dan Kumpulan Guthrie Sendirian Berhad Malaysia.<sup>8</sup> Hubungan erat Malaysia dan Indonesia ketika era Tun Abdul Razak dianggap sebaga era pemulihan hubungan persahabatan politik yang memberi impak kepada kerjasama ekonomi yang lebih aktif untuk jangka masa panjang. Melalui hubungan yang erat kedua-dua negara, perbincangan dan lawatan dalam perdagangan mahupun dalam kerjasama ekonomi yang lain.

Selain itu, Perjanjian Asas Perdagangan dan Ekonomi yang turut membincangkan kerjasama perdagangan telah membantu meningkatkan nilai perdagangan Malaysia dan Indonesia. Ini dibuktikan dalam Jadual 2 dalam perdagangan Malaysia dan Indonesia.

**Jadual 2: Eksport Malaysia ke Indonesia dari Tahun 1970-1976.**

| 1970    | 1973    | 1975    | 1976    |
|---------|---------|---------|---------|
| RM Juta | RM Juta | RM Juta | RM Juta |
| 32.6    | 29.2    | 61.6    | 58.6    |

Sumber diubahsuai daripada Malaysia 1976, Buku Rasmi Tahunan.  
Jabatan Penerangan Malaysia<sup>9</sup>

Jadual 2 menunjukkan nilai eksport Malaysia ke Indonesia ketika era Tun Abdul Razak dari tahun 1970 sehingga tahun 1976. Ternyata Perjanjian Asas Perdagangan dan Ekonomi 1968 memberi keuntungan kepada ekonomi Malaysia dengan peningkatan perdagangan dari tahun 1970 sehingga 1976. Nilai eksport Malaysia ke Indonesia pada 1970 adalah bernilai RM 32.6 juta telah meningkat kepada RM58.6 juta pada tahun 1976. Keadaan ini juga dibantu dengan Perjanjian Ekonomi dan Perdagangan 1973 yang membawa kepada kerjasama ekonomi yang lebih jauh antara Malaysia dan Indonesia yang melalui perbincangan dan dialog tuntutan kerjasama Perjanjian Asas Perdagangan dan Ekonomi 1968. Selain itu juga kebergantungan import Malaysia terhadap Indonesia juga mengecil dalam nilai imbalan perdagangan seperti dalam Jadual 3.

**Jadual 3: Import Malaysia dari Indonesia dari Tahun 1970-1976**

| 1970    | 1973    | 1975    | 1976    |
|---------|---------|---------|---------|
| RM Juta | RM Juta | RM Juta | RM Juta |
| 207.4   | 147.4   | 191.1   | 109.9   |

Sumber diubahsuai daripada Malaysia 1976, Buku Rasmi Tahunan.  
Jabatan Penerangan Malaysia.

Jadual 3 menunjukkan nilai import Malaysia dari Indonesia ketika era Tun Abdul Razak dari tahun 1970 sehingga tahun 1976. Walaupun imbalan perdagangan menunjukkan lebih daripada Indonesia namun nilai import Malaysia terhadap Indonesia mula berkurangan dari tahun 1970 sehingga 1976. Pada tahun 1970 nilai import Malaysia ke Indonesia adalah bernilai RM 207.4 juta mula berkurang kepada RM 109.9 juta pada tahun 1976. Penurunan ini mungkin disebabkan pelbagai faktor antaranya kurangnya kebergantungan barangan daripada Indonesia dan komoditi Indonesia dan Malaysia menghasilkan barangan dan sumber bahan mentah yang sama. Data statistik perdagangan Malaysia dan Indonesia sentiasa mengalami turun naik namun yang paling penting adalah nilai perdagangan kedua-dua negara semakin meningkat dan terus memberi impak dalam perdagangan.

Selain itu, kerjasama bidang perdagangan terus diperkasakan dengan kedua-dua mempromosi import dan eksport perdagangan. Antara kerjasama perdagangan terutama pihak kesatuan perdagangan Pulau Pinang dan Sumatera untuk menarik sektor swasta dalam berdagang di pelabuhan kedua-

dua negara. Selain itu, kedua-dua negara juga berkerjasama dalam urusan pentadbiran yang lebih sistematik dalam urusan passport dan visa pekerja. Malaysia menyediakan Pegawai Imigresen di Sabong, Indonesia. Penjalanan tanpa visa daripada Indonesia ke Malaysia selama tujuh hari kecuali visa pekerja. Pasca konfrontasi perdagangan barangan antara Malaysia dan Indonesia telah dikemaskini dalam perdagangan entraport antara Pulau Pinang dan Sumatera. Antara produk barangan yang dikemaskini adalah seperti beras, rempah, kacang, produk minyak, ikan masin, ikan segar dan udang. Dalam Sektor bijih timah, kerjasama pelaburan dan pasaran dalam membangunkan dan mempromosi kerjasama teknik dalam memproses timah dan mineral dalam petukaran data peraturan dan kepakaran. Selain itu, Malaysia dan Indonesia telah menubuhkan syarikat perniagaan untuk menghapuskan penyeludupan. Sebuah syarikat perdagangan bersama Malaysia dan Indonesia telah ditubuhkan dengan tujuan menghapuskan penyeludupan dan perniagaan dengan bertukar-tukar barang antara kedua-dua negara. Syarikat tersebut dinamakan Malanesia Joint- Enterprise Sendirian Berhad dan terdiri daripada Syarikat Anika Kemajuan Berhad dari Malaysia dan Pilot Project Berdikari dari Pihak Indonesia yang merupakan sebuah badan berkanun Indonesia<sup>10</sup> Syarikat tersebut akan menjalankan perdagangan yang berupa eksport dan import, perusahaan, perkapalan dan lain-lain dengan modal sebanyak \$200,000. Lembaga Pengarah Syarikat iaitu Tengku Abdullah sebagai Pengerusi dari Malaysia dan PP Berdikari. Brig. Jeneral Dr. Suhardiman sebagai Pengerusi dari Indonesia.<sup>11</sup> Ini adalah suatu usaha meningkatkan nilai perdagangan Malaysia dan Indonesia selain mengatasi masalah penyeludupan. Keadaan ini memberi gambaran bahawa sektor kerjasama sektor perdagangan antara Malaysia dan Indonesia mula berkembang sejak perjanjian perdagangan dilaksanakan.

## **Guna Tenaga**

Selain itu, impak daripada kerjasama Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi telah membuka peluang kerjasama dalam permintaan tenaga kerja. Ini turut dibincangkan dalam persidangan pertama dan kedua dalam hubungan perdagangan dan ekonomi. Antara persetujuan daripada Perjanjian Asas Ekonomi ini adalah Menteri Tenaga Kerja Malaysia menyediakan kontrak tiga tahun kepada pekerja separa Mahir ke Sabah dan Sarawak.<sup>12</sup> Selain itu, pada Mac 1968 semasa lawatan Tunku Abdul Rahman ke Indonesia, Menteri Buruh Malaysia, Mancikavasagan dan rakan sejawat dari Indonesia, Briged Jeneral Awaluddin menandatangani perjanjian buruh. Dalam perjanjian itu, kira-kira 25 000 buruh Indonesia di hantar ke Malaysia untuk berkerja dalam pelbagai sektor. Kebanyakan buruh yang dihantar ketika itu berkerja dalam sektor perladangan bagi menampung kekurangan buruh dalam estet dan ladang-ladang pertanian.

Hubungan baik Tun Abdul Razak dan Suharto telah menyebabkan Tun Abdul Razak meminta bantuan Suharto untuk mendapatkan Tenaga Kerja Indonesia (TKI) bagi menampung kekurangan buruh. Sejarah telah mencatat bahawa Kerajaan Malaysia pernah mengalami kekurangan tenaga kerja dan meminta bantuan Indonesia untuk menghantar TKI pada tahun 1969. Ketika itu, Malaysia dilanda huru-hara akibat peristiwa 13 Mei 1969 menyebabkan berlakunya rusuhan kaum Melayu dan Cina yang menguasai ekonomi di Bandar. Bagi mengatasi masalah ini Tun Abdul Razak meminta bantuan daripada Presiden Suharto. Komuniti Melayu membenarkan kemasukan imigrasi Indonesia ke Malaysia untuk memberi lebih populasi melayu di Malaysia dan atas faktor politik.<sup>13</sup>

Presiden Suharto menyambut baik permintaan Tun Abdul Razak dan telah menghantar pembantu peribadi Suharto iaitu Sudjono Humardhani dan Ali Mertopo telah diberi tugas untuk merekrut ribuan TKI yang diperlukan Malaysia untuk mengisi kekosongan tenaga kerja disana. Malaysia negara baharu memerlukan tenaga kerja berkemahiran, berpendidikan dan berkemampuan. Antara jaminan oleh Menteri Pendidikan Indonesia iaitu Mashuri menyediakan pensyarah dan guru untuk Universiti Kebangsaan Malaysia dan sekolah di Malaysia yang kekurangan guru. Beliau telah mengesahkan 74 orang guru akan dihantar ke Malaysia awal Januari 1970 (Berita Harian, 21 Januari 1970).<sup>14</sup> Dengan bertambahnya, tenaga kerja yang berkemahiran dan berpendidikan dapat mengimbangi perkembangan ekonomi etnik Cina di Malaysia (Randy Wirayudha, 2017).<sup>15</sup> Penghantaran TKI ke Malaysia ketika itu merupakan ‘*Silent Operation*’ tidak boleh diketahuai oleh rakyat Malaysia mahupun Indonesia. Pimpinan operasi senyap pengiriman TKI adalah Tan Sri Ghazali Shafie dari pihak Malaysia dan Ahmad Yusof kepada inteligent Malaysia serta Benny Moerdani, Konsul Jenderal di Malaysia. Ini telah dipetik berdasarkan berdasarkan ‘Annual Report’ 1968.

*“Good relations with Indonesia have overriding Significance because to the Malays, Indonesia represents their ultimate source of strength in a region under them heavy shadow communist China and with large overseas Chinese populations of unpredictable loyalty” (Annual Report, 1968).*<sup>16</sup>

Dalam waktu yang singkat Indonesia berjaya merekrut 1500 tenaga kerja yang sesuai dengan permintaan kerajaan Malaysia. Terdapat beberapa TKI yang terdiri daripada pensyarah Universitas Indonesia, Pegawai Tinggi, petugas Garuda Indonesia Airways dan ada juga perniaga-perniaga. ‘*Silently Welcomed*’ berjaya dibawa masuk dalam sektor ekonomi disebabkan hubungan baik Malaysia dan Indonesia. TKI yang profesional di asimilasi dengan Melayu tempatan menyebabkan etnik Cina dan India menganggap TKI adalah Melayu tempatan.<sup>17</sup> Pada 1970-an, peranan Kerajaan Malaysia dan Indonesia

telah aktif mengalakkan migrasi Indonesia ke Malaysia.<sup>18</sup> Faktor serumpun dan geografi negara berjiran menyebabkan kerajaan Malaysia mengambil tenaga kerja daripada Indonesia. Tambahan pula, Presiden Indonesia Suharto turut menjalankan order baru bagi membasmi Komunis di Indonesia dan mula menjalankan hubungan baik dengan negara Barat.<sup>19</sup> Ini jelas memberi matlamat hubungan luar Malaysia dan Indonesia yang sama untuk memerangi komunis di Asia Tenggara yang menyebabkan Malaysia menerima TKI untuk memenuhi kekurangan tenaga kerja di Malaysia.

Ketika itu, pengambilan tenaga kerja diambil secara bilangan yang kecil untuk mencukupi kekurangan tenaga kerja di Malaysia. Namun begitu, hanya pertengahan tahun 1980-an setelah termaterinya perjanjian persefahaman antara Malaysia dan Indonesia yang diadakan di Medan, Indonesia, baru TKI diambil secara berskala besar. “Medan Agreement” yang ditandatangani pada tahun 1984 telah menjadi panduan kepada pengambilan tenaga kerja yang lebih sistematik melalui terma perjanjian yang turut memberi perlindungan kepada TKI melalui pengawalan konsulat Indonesia di Malaysia.<sup>20</sup>

Selain itu, impak daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menyediakan keluasan perladangan getah dan kelapa sawit menyebabkan Malaysia memerlukan ramai tenaga buruh. Ini telah memberi peluang pekerjaan untuk buruh luar terutama melayu Indonesia dan bumiputera tempatan. Keadaan ini telah membuka peluang pekerjaan kepada migrasi Indonesia di Bandar umumnya di Tanah Jawa. Faktor penolakan di Jakarta akibat pengangguran dan kepadatan penduduk menyebabkan mereka migrasi ke Malaysia untuk berkerja dalam sektor pertanian. Selain itu, kadar upah yang tinggi juga antara faktor penarik migrasi Indonesia ke Malaysia.<sup>21</sup> Ini telah memujuk perjanjian asas perdagangan dan ekonomi Malaysia dan Indonesia turut membantu dalam perkembangan guna tenaga yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara. Perjanjian asas perdagangan dan ekonomi ini telah membawa kepada sistematik pengambilan tenaga kerja asing yang sah daripada Indonesia kerana sebelum konfrontasi banyak rakyat Indonesia memasuki Malaysia secara tidak sah dalam menjalankan aktiviti penyeludupan dan berkerja di estet.

## **Sistem Perbankan dan Kewangan**

Impak Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi turut membangunkan sistem perbankan dan kewangan dalam perdagangan antara Malaysia dan Indonesia yang dipersetujui dalam persidangan kedua. Kerjasama perbankan dan pertukaran wang asing antara Malaysia dan Indonesia telah memudahkan aktiviti ekonomi dan perdagangan. Pertukaran mata wang asing dalam perdagangan eksport ditentukan bersama oleh kerajaan Malaysia dan Indonesia. Kerjasama sektor kewangan memerlukan kerjasama mata wang antara Bank Malaysia dan Bank Indonesia dalam pertukaran mata wang.

Hubungan rapat antara Bank Indonesia dan Malaysia memudahkan urusan mengimport dan mengeksport barang dengan kadar pertukaran mata wang yang ditentukan bersama.

Pada 29 Mei 1968, Malaysia dan Indonesia telah menubuhkan suruhanjaya bersama ketika Menteri Perdagangan Indonesia, Mejer Jeneral Mohd Yusuf melawat Malaysia. Ketika di era Tunku Abdul Rahman, Suruhanjaya bersama ekonomi Malaysia dan Indonesia telah bersidang sebanyak tiga kali iaitu 1 Julai 1968 di Jakarta, 29 Mac 1969 di Kuala Lumpur dan 20 Ogos 1970 di Jakarta. Di dalam persidangan pertama di Jakarta, isu mengadakan konsortium bank-bank dibincangkan kerana jumlah perdagangan Malaysia dan Indonesia mula meningkat sejak pemulihan hubungan antara kedua-dua negara.<sup>22</sup> Kerajaan Malaysia mengambil keputusan untuk memberi kemudahan kredit eksport kepada Indonesia untuk memulihkan ekonominya. Keputusan ini diambil kerana ahli-ahli bank di Malaysia menubuhkan konsortium bank bagi membantu Indonesia. Pihak Indonesia dengan rasminya telah memersetujui permintaan tersebut. Selain itu, sidang pertemuan juga turut membincangkan kerjasama dalam bidang teknik dan ekonomi tentang pengeluaran pemprosesan dan pengeksportan bahan-bahan mentah tertentu seperti getah, bijih timah, kelapa sawit dan pembersakan.

Selain itu, persidangan kedua Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi pada 29 Mei 1969, satu perjanjian bagi menubuhkan sebuah suruhanjaya bersama mengenai perhubungan perdagangan dan ekonomi bagi mengalakkan perdagangan antara Malaysia dan Indonesia telah ditandatangani. Menteri Perdagangan Indonesia, Mejer Jeneral Achmed Yusuf, telah menandatangani perjanjian itu bagi pihak Kerajaan Indonesia dan Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Dr Lim Swee Aun bagi pihak Malaysia. Antara intipati kerjasama adalah bank-bank Malaysia memberikan kredit kepada Bank of Indonesia yang akan kemudian akan memberikan kredit kepada peniaga-peniaga Indonesia untuk mengimport barang-barang Malaysi<sup>23</sup> Ini telah memberi keuntungan bersama melalui usahasama dan memberi perubahan baharu dalam sistem perbankan.

## **Persempadanan dan Perikanan**

Hubungan ekonomi berkaitan prosedur tentang persempadanan lautan antara Malaysia dan Indonesia pasca konfrontasi. Kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia era Tun Abdul Razak telah berkerjasama dalam sektor perikanan dan persempadanan laut. Semasa era konfrontasi, Indonesia telah menuntut beberapa kawasan perikanan yang biasa digunakan untuk aktiviti nelayan Malaysia. Keadaan ini telah menyebabkan timbul isu keselamatan terhadap nelayan. Masalah ini telah dikemukakan oleh persatuan perikanan negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor mengenai isu kawasan perikanan Malaysia yang telah dikuasai oleh pihak Indonesia.<sup>24</sup> Selain itu,



terdapat juga isu mengenai kapal meriam Indonesia memasuki perairan Malaysia di Pulau Kukup dan kapal perang Indonesia di Pontian, Johor yang mengancam nelayan-nelayan tempatan. Namun begitu, dengan adanya perjanjian persempadanan akan memberi lebih kawalan keselamatan dalam negara. Pada 1 April 1970, Perjanjian jawatankuasa perkapalan antara Malaysia dan Indonesia telah diadakan di Wisma Putra, Kuala Lumpur. Perbincangan turut melibatkan kerjasama lautan oleh Tentera Laut di Raja Malaysia dan Tentera Laut Indonesia mengkaji masalah bersama mengenai penyeludupan menangkap ikan secara haram dan gerakan lanun di Selat Melaka<sup>25</sup> Selain itu, tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura bersetuju akan mengawasi Selat Melaka berdasarkan rundingan bersama yang bersetuju mengenai empat perkara. Pertama, ketiga-tiga kerajaan bersetuju sebuah badan organisasi untuk kerjasama penyelarasan usaha mengawasi Selat Melaka. Kedua, menyediakan anggota secepat mungkin dalam operasi Selat Melaka. Ketiga, ketiga-tiga kerajaan bersetuju bahawa masalah keselamatan perjalanan kapal dan soal “*Internasionalisasi*” di selat tersebut merupakan dua perkara yang berasingan dan Keempat. Kerajaan Malaysia dan Indonesia bersetuju bahawa Selat Melaka dan Singapura bukan Selat Antarabangsa. Walaupun diakui sepenuhnya selat tersebut boleh digunakan oleh perkapalan antarabangsa selaras dengan asas yang betul.<sup>26</sup>

Terdapat juga peraturan dan perjanjian yang bercorak keselamatan dan mengenai persempadanan seperti:

1. Perjanjian mengenai Persempadanan Pelantar Benua, 1969. perjanjian ini adalah penting bagi memastikan hak negara dalam aktiviti Petroleum dan gas dapat dilaksanakan.
2. Perjanjian mengenai Persempadanan Laut Wilayah Kedua Negara di Selat Melaka, 1970. Perjanjian laut wilayah kedua di Selat Melaka penting kerana ia melibatkan laluan utama kapal perdagangan dunia. Sempadan laut wilayah juga penting di Selat Melaka penting untuk aktiviti perikanan nelayan tempatan. Ini untuk mengetahui garis batas sempadan dalam aktiviti penangkapan ikan.
3. Peraturan-Peraturan Keselamatan di kawasan Sempadan Malaysia dan Indonesia pada 1972. Peraturan keselamatan dilakukan berperanan bagi memastikan kawalan keselamatan diperairan negara terus selamat dan aman daripada aktiviti perlanunan dan penyeludupan yang boleh menjejaskan tahap keselamatan aktiviti di lautan.

Kerjasama persempadanan antara Malaysia dan Indonesia dijalankan di antara kedua-dua kerajaan di sempadan Sarawak melibatkan Kalimantan Timur. Keadaan ini perlu dilakukan bagi penyusunan bersama dalam menangani



hak sempadan kerana melibatkan kedaulatan wilayah. Selain itu, terdapat juga perbincangan mengenai isu perikanan dan pencerobohan nelayan. Kedua-dua pihak bersetuju untuk berkerjasama dalam bidang perikanan termasuk menangkap ikan bersama di Selat Melaka dan perairan sempadan Sabah dan Kalimantan. Pada 1 November 1968, kedua-dua negara telah menubuhkan suruhanjaya khas bagi membincangkan masalah perikanan di Selat Melaka. Kerjasama yang dijalankan secara berperingkat telah mendapat reaksi positif. Pada Ogos 1969, telah diadakan Perjanjian Perikanan bersama membolehkan kedua-dua pihak berkerjasama dalam bidang penyelidikan latihan dan memproses ikan.<sup>27</sup>

Antara kerjasama dalam bidang Perikanan Malaysia dan Indonesia:

1. Penangkapan ikan di perairan Indonesia.
2. Pemasaran ikan di Malaysia.
3. Bentuk kerjasama, soal modal, peralatan perikanan dan lain-lain.
4. Soal immigrasi nelayan kedua-dua negara dan kemudahan yang boleh diberikan untuk menyenangkan mereka menjalankan penangkapan dan pemasaran ikan.
5. Soal keselamatan nelayan dan alatan di laut.
6. Soal pertukaran asing dan cukai eksport dan import berhubung dengan perikanan.

Pada 11 Mac 1972, suatu lawatan rasmi oleh Dr. Ismail ke Indonesia bertemu Menteri Hal Ehwal Ekonomi, kewangan dan industri, Indonesia yang maha mulia, Sri Sultan Hamengko Buwono di Hotel Jakarta, Indonesia. Peranan yang dimainkan oleh Dr. Ismail dalam kerjasama dengan Indonesia sangat penting terutama melibatkan sempadan wilayah. Dr. Ismail bersama wakil Indonesia telah bersetuju menubuhkan jawatankuasa sempadan kawasan untuk menyelaras dan melaksanakan dasar-dasar perisikan bagi keselamatan kawasan sempadan di kedua-dua negara.<sup>28</sup> Selain itu, perjanjian juga menetapkan garis batas laut wilayah di Selat Melaka telah menetapkan garis-garis batas laut kedua-dua negara atas dasar persamaan ketentuan yang telah ditetapkan. Ini penting kerana sempadan laut turut menyumbang kepada pendapatan ekonomi terutama sektor perikanan, perdagangan dan sumber asli. Hasil perjanjian ketetapan lebar laut wilayah ialah 12 batu nautika, sementara garis batas di kawasan sempit ialah garis tengah yang bermula dari garis dasar masing-masing.<sup>29</sup> Mekanisme rundingan perjanjian persempadan laut Malaysia dan Indonesia adalah berdasarkan rujukan dan terma daripada Konvensyen Geneva mengenai wilayah laut dan persempadan (UNCLOS) tahun 1958 yang membawa kepada terma baharu yang dilaksanakan dalam UNCLOS II tahun 1960 dan UNCLOS III tahun 1972 berkaitan isu zon ekonomi eksklusif. Namun begitu, isu persempadanan laut terutama berkaitan wilayah zon ekonomi

eksklusif telah menimbulkan pertindihan konflik terutama melibatkan wilayah dan hak kepulauan Ligitan dan Sipadan yang timbul ketika era Tun Hussein Onn. Namun begitu, impak daripada perjanjian asas perdagangan dan ekonomi kedua-dua negara bersetuju tentang hak persempadanan yang dibincangkan bagi menjamin kedaulatan negara Malaysia mahupun Indonesia.

## **Kerjasama Pertanian**

Perjanjian asas perdagangan dan ekonomi turut memberi impak kepada kerjasama ekonomi sektor getah, timah, kelapa sawit, lada hitam, hasil hutan, perikanan, ternakan dan perkapalan. Pemulihan hubungan kerjasama ekonomi dengan Indonesia pasca konfrontasi juga turut memberi impak kepada kedua-dua negara dalam memajukan komoditi utama iaitu getah dan kelapa sawit. Getah dan Kelapa sawit merupakan penyumbang utama pendapatan ekonomi Malaysia dan Indonesia sejak awal kemerdekaan. Kerjasama kedua-dua negara mampu memberi impak kepada hasil pengeluaran dan harga pasaran dunia terhadap kedua-dua komoditi ini. Antara kerjasama yang dilakukan oleh pihak Malaysia dan Indonesia adalah dengan mengadakan lawatan dan kerjasama bertukar pandangan bagi memajukan komoditi getah dan kelapa sawit. Beberapa lawatan telah diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama ekonomi. Sumitro Djojohadikusumo iaitu Menteri Perdagangan Indonesia bersama dengan Sofyan Yusuf Timbalan Menteri Perdagangan dan Mri Adidjaya telah mengadakan lawatan rasmi ke Kuala Lumpur. Sumitro Djojohadikusumo mengadakan lawatan ke skim tanah pembangunan Sungai Dusun dan ladang kelapa sawit di Ulu Bernam, Selangor bagi melihat perkembangan komoditi pertanian terutama getah dan kelapa sawit di Malaysia. Dengan lawatan ini, kerjasama berkaitan penyelidikan getah dan kelapa sawit dapat membantu meningkatkan hasil pengeluaran melalui penyelidikan bersama. Mutu dan harga sesetengah getah Indonesia sekarang sama dengan getah Malaysia tidak seperti tahun 1968 dan 1969. Data yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa kerja getah kerintil menunjukkan bahawa menjelang tahun 1980, 75 peratus eksport getah Indonesia ialah didalam bentuk getah kerintil.<sup>30</sup>

Kepentingan Indonesia dalam kerjasama komoditi getah dan kelapa sawit juga sangat diperlukan kerana kedua-dua negara mempunyai sektor perladangan yang luas untuk pertanian getah dan kelapa sawit maka permasalahan yang berlaku pasti memberi kesan kepada kedua-dua negara. Penglibatan Malaysia dan Indonesia dalam Organisasi berkaitan getah dan kelapa sawit sangat penting bersama negara-negara lain bagi mencari mekanisme yang terbaik bagi memastikan pasaran getah dan kelapa sawit memberi keuntungan kepada negara.

Selain itu, Malaysia dan Indonesia merupakan negara pengeluar getah utama dunia. Kesepakatan dan kerjasama dalam membangunkan komoditi getah telah membuka ruang kerjasama yang lebih jauh antara Malaysia dan

Indonesia. Selain itu, negara-negara pengeluaran getah utama dunia juga turut bersidang mencari mekanisme terbaik bagi memastikan kestabilan harga getah dan peningkatan pengeluaran getah dapat mempertingkatkan pembangunan ekonomi negara masing-masing. Beberapa siri persidangan dan kerjasama melibatkan Malaysia dan Indonesia dengan negara pengeluaran getah diadakan bagi mengenal pasti masalah dan peluang kerjasama dalam komoditi getah. Sebagai pengeluar utama getah dunia, Malaysia dan Indonesia menjadi hub penyelidikan dan rujukan bagi mengetuai isu-isu berkaitan komoditi getah. Dengan wujudnya pusat penyelidikan getah di Malaysia telah membantu meningkatkan pengeluaran dan muta getah asli di Malaysia.

Malaysia dan Indonesia turut berkerjasama dalam sektor pembalakan. Empat syarikat pembalakan Malaysia telah melabur kira-kira 24 juta dalam projek-projek pembalakan usahasama dengan syarikat-syarikat Indonesia. Hubungan ekonomi Malaysia-Indonesia meningkat selepas perjanjian asas hubungan perdagangan dan ekonomi ditandatangani pada bulan Julai 1967. Keadaan perdagangan dan pelaburan ekonomi semakin aktif di era Tun Abdul Razak dan Suharto yang telah mempromosikan ekonomi bersama. Ini dapat dibuktikan melalui perbincangan dalam jadual dua dan tiga yang menunjukkan aktiviti perdagangan mula meningkat pasca konfrontasi kedua-dua negara.

## **Kesimpulan**

Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Malaysia dan Indonesia ternyata memberi impak dalam pembangunan ekonomi Malaysia mahupun Indonesia. Kajian mendapati bahawa pasca konfrontasi kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia tertumpu kepada tiga aspek ekonomi utama iaitu perdagangan, persempadanan aktiviti perikanan dan guna tenaga. Perdagangan Malaysia dan Indonesia pasca konfrontasi telah dikemaskini dengan sistem perdagangan yang lebih teratur bagi mengatasi masalah penyeludupan barangan. Hasil daripada itu, beberapa peraturan baharu telah ditetapkan terutama dalam perdagangan dengan menetapkan pelabuhan yang sah sahaja yang dibenarkan menjalankan aktiviti perdagangan.

Selain itu, aktiviti persempadanan wilayah dan perikanan juga memberi impak penting dalam hubungan ekonomi pasca konfrontasi. Ini kerana isu-isu wilayah perikanan yang terabai ketika era sebelum konfrontasi dalam menetapkan wilayah perikanan yang jelas telah berjaya dilaksanakan dalam perjanjian asas 1967. Keadaan ini memberi manfaat bersama mahupun kepada nelayan Malaysia mahupun Indonesia yang dapat memastikan wilayah yang jelas untuk aktiviti ekonomi perikanan kerana sudah ada batasan wilayah perikanan kedua-dua negara. Impak perjanjian juga turut memberi kesan dalam guna tenaga dimana kedua-dua negara mendapat kebaikan bersama dimana Malaysia dapat menggunakan guna tenaga daripada Indonesia bagi memenuhi permintaan guna tenaga dalam Malaysia. Beberapa guna tenaga profesional

telah dihantar oleh Indonesia ketika era Tun Abdul Razak. Selain itu, guna tenaga buruh Indonesia juga turut digunakan dalam sektor perladangan dan pembinaan. Secara umumnya, ternyata Perjanjian Asas Hubungan Perdagangan dan Ekonomi memberi hala tuju baharu dan impak positif kepada kerjasama ekonomi Malaysia dan Indonesia pasca konfrontasi.

## Nota Akhir

1. Joseph Liow, *The Politics of Indonesia-Malaysia Relations, One Kin, Two Nation*, Routledge Madison Ave New York, 2005.
2. Kunaseelan, *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1996.
3. 2005/0019332/(E)0.13/1/3/1, *Malaysia/Indonesia Trade Second Session of the Malaysia-Indonesia Commission on Trade and Economic Relations*. Malaysia/Indonesia Trade Brief Notes of Progress Made since the Second session of the joint commission.
4. Ibid.
5. Duta Besar Indonesia iaitu Jeneral Abdul Talip telah kemukakan lima bentuk kerjasama baharu Malaysia dan Indonesia dalam merapatkan hubungan kedua-dua negara iaitu Pertama membersihkan saki baki komunis d sempadan Indonesia dan Malaysia. Kedua, Mempertinggi mutu hasil pertanian. Ketiga. Kerjasama dalam bidang perusahaan, keempat, pertukaran dalam hasil penyelidikan dan ahli-ahli penyelidik. Kelima, pemprosesan bahan-bahan mentah. Sumber Berita Harian, 17 Ogos 1969, hlm 12. bertajuk Duta Kemukakan 5 bentuk kerjasama baru Malaysia dan Indonesia.
6. Johan Savaravanamuttu, *Malaysia's Foreign Policy: The First Fifty Years*, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, 2010.
7. Rundingan Selalu Ekonomi Dua Negara. (1970, Julai 18). *Berita Harian*.
8. Perjanjian. (1968, Jun 25), *Berita Harian*.
9. Malaysia 1976, *Buku Rasmi Tahunan*. Jabatan Penerangan Malaysia.
10. Malaysia, Indonesia tubuhkan Syarikat Perniagaan.,(1967, November 1967), *Berita Harian*.
11. Ibid.
12. FCO 24/243, *Relations between Indonesia and Indonesia*, Visit of The Tunku Abdul Rahman to Indonesia (Summary) official visit to Indonesia 4-8 March 1968.
13. Joseph Liow, 2003, Malaysia's illegal Indonesia Migrant Labour Problem: In Search of Solutions, *Contemporary Southeast Asia*. 25(1), 44-64.
14. Pensyarah-Pensyarah Dari Indonesia: Jaminan Mashuri, (1970, Januari 21). *Berita Harian*.

15. Randy Wirayudha, 2017, *Ketika Malaysia Meminta Tenaga Kerja Kepada Indonesia*. Historia. Diakses [www.historia.id](http://www.historia.id). Ketika Malaysia Meminta Tenaga Kerja Kepada Indonesia pada 10 Januari 2019.
16. *Annual Report*, 1968.
17. Firdaus Abdullah, 1992, "Issues in Malaysia-Indonesia Relations", Kertas Persidangan di ASEAN Fellowship Seminar Tokyo, Japan (hlm 45-46).
18. Joseph Liow, 2003, Malaysia's illegal Indonesia Migrant Labour Problem.; In Search of Solutions, *Contemporary Southeast Asia*. 25(1), 44-64.
19. Sah-Hadiyatan, 2016, Amerika Syarikat dan Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. 43(1), 81.
20. Taufiq, Fadli, Ahmad & Tuan Norhafiza, 2018, Dasar-dasar Persefahaman Malaysia dan Indonesia dalam Melindungi Pekerja Asing, *Journal of Law & Governance*. 1(10), 94.
21. Ibid.
22. Kunaseelan, *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1996.
23. Pasaran Bersama Getah Di Setujui, (1969, Mac 29), *Berita Harian*.
24. 1978/0002923/0206, *Confrontation-Indonesia*. Messages to be sent from P.M to make end of Confrontation, Djakarta Telegram No.1275 of 10 IM1042/146.
25. Kerjasama Di Laut.,(1971, September 25), *Berita Harian*. hlm. 4.
26. Tiga Negara Setuju Akan Awasi Selat Melaka. (1971, November 17). *Berita Harian*.
27. 2005/0019333/(E)0.13/1/3/2, *Malaysia/Indonesia Co-operation in Fishing Industry in the Straits of Malacca*. Draft Agreement on Border Trade between the government of Malaysia and the government of the Republic of Indonesia.
28. Jawatankuasa Sempadan Malaysia dan Indonesia Dibentuk, (1972, Julai 26), *Berita Harian*, hlm. 1.
29. Garis Batas Laut Antara Malaysia dan Indonesia Di Tetapkan. (1971, Oktober 9). *Berita Harian*. hlm. 3.
30. Getah Mutu Indonesia Malaysia Sama Harga. (1972, Januari 18), *Berita Harian*. hlm. 3.

## Rujukan

- Duta Kemukakan 5 Bentuk Kerjasama Baru Malaysia dan Indonesia. 1969. Ogos 17. *Berita Harian*.
- FCO 24/243. *Relations between Indonesia and Indonesia*, Visit of The Tunku Abdul Rahman to Indonesia (Summary) official visit to Indonesia 4-8

- March 1968.
- FO371/187567-IM 1042/150. *Malaysia/Indonesia Confrontation*.
- FO371/187567-IM 1042/151. *Malaysia/Indonesia Confrontation*. Malaysia/Indonesia Confrontation. The Bangkok Agreement. Telegram No. 2203, 10 Ogos 1966.
- Firdaus Abdullah. 1992. "Issues in Malaysia-Indonesia Relations". Kertas Persidangan di ASEAN Fellowship Seminar Tokyo. Japan (hlm. 45-46).
- Garis Batas Laut Antara Malaysia dan Indonesia Di Tetapkan. (1971, Oktober 9). *Berita Harian*, hlm. 3.
- George McT. K. 1964. Malaysia and Indonesia. *Pacific Affairs*. 37(3), 253-270.
- Getah Mutu Indonesia Malaysia Sama Harga. (1972, Januari 18). *Berita Harian*. hlm. 3.
- Gordon, G.K. 1966. *The Dimension of Conflict in Southeast Asia*. Prentice-Hall, Inc.. New Jersey
- Jawatankuasa Sempadan Malaysia dan Indonesia Dibentuk. 1972. Julai 26. *Berita Harian*. Hlm. 1.
- Johan Savaravanamuttu. 2010. *Malaysia's Foreign Policy: The First Fifty Years*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Joseph Liow. 2003. Malaysia's illegal Indonesia Migrant Labour Problem, In Search of Solutions, *Contemporary Southeast Asia*. 25(1), 44-64.
- Joseph Liow. 2005. *The Politics of Indonesia-Malaysia Relations: One Kin, Two Nation*, Routledge Madison Ave New York.
- Kerjasama Di Laut. (1971, September 25). *Berita Harian*. hlm. 4.
- Kunaseelan. 1996. *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Mackie. 1974. *Confrontation The Indonesia-Malaysia dispute 1963-1966*. Oxford University Press London. Kuala Lumpur.
- Malaysian. 1963. *Official Year Book 1963*. Kuala Lumpur Government Press, Malaysian.,1964. *Official Year Book 1964*. Kuala Lumpur:Government Press.
- Malaysia. Indonesia Tubuhkan Syarikat Perniagaan. (1967, November 16). *Berita Harian*. 2.
- Mohamad Abu Bakar. 2008. Pengurusan Krisis dan Pengantarabangsaan Negara: Konfrontasi Indonesia dan Diplomasi Malaysia. 1963. Seminar Internasional Indonesia-Malaysia (Yogyakarta, Indonesia).
- Mohamad Radzi, Abd Ghapa, Zubaidah & Azharudin. 2013. Rekonsiliasi Hubungan Malaysia-Indonesia Dalam Konteks Regionalism Asia Tenggara. *Malaysia Journal of History, Politics & Strategy UKM*, 40(1) (July 2013), 177-197.
- Pasaran Bersama Getah Di Setujui. (1969, Mac 29). *Berita Harian*.
- Pensyarah-Pensyarah Dari Indonesia: Jaminan Mashuri. (1970, Januari 21). *Berita Harian*.

- Perjanjian. (1968, Jun 25). *Berita Harian*.
- Philip Mathews..2007. *Chronicle of Malaysia, Fifty Years of Headline News*. Editions Didier Millet Pte Ltd.
- Randy Wirayudha. 2017. *Ketika Malaysia Meminta Tenaga Kerja Kepada Indonesia*. Historia. Diakses [www.historia.id](http://www.historia.id).Ketika Malaysia Meminta Tenaga Kerja Kepada Indonesia pada 10 Januari 2019.
- RCP/F.E/350/1950,1957/0475902 Barter Trade Indonesia
- Rohani & Zulhilmi. 2012. Malaysia-Indonesia: Pengalaman Hubungan Dua Negara Serumpun. *Political Managements and Policies in Malaysia*. Hlm 223-235
- Rundingan Selalu Ekonomi Dua Negara. (1970, Julai 18). *Berita Harian*.
- Ruhas Harun. 2005. Kerjasama dan Konflik dalam Hubungan Malaysia-Indonesia, *University Malaya Press*.
- Sah-Hadiyatan. 2016. Amerika Syarikat dan Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966. *Jebat: Malaysian Journal of History Politics & Strategic Studies*. 43(1) hlm. 81.
- Sahul Hamid. 2017. Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Agensi Propaganda: Pengalaman Malaysia Sejak Darurat Sehingga Konfrontasi Malaysia-Indonesia (1948-1965).*Jebat: Malaysian Journal of History Politics & Strategic Studies*. 44(2), hlm. 137-158.
- Sidang Ikan RI dan Malaysia. (1969, Julai 26). *Berita Harian*.
- Taufiq, Fadli, Ahmad & Tuan Norhafiza. 2018. Dasar-dasar Persefahaman Malaysia dan Indonesia dalam Melindungi Pekerja Asing, *Journal of Law & Governance*. 1(10), 94.
- Tiga Negara Setuju Akan Awasi Selat Melaka. (1971, November 17). *Berita Harian*.
- 1978/0002923/0206, *Confrontation-Indonesia*. Messages to be sent from P.M to make end of Confrontation. Djakarta Telegram No.1275 of 10 IM1042/146.
- 2000/0025725/144. Barter Trade with Indonesia, Malaysia/Indonesia Trade Brief Notes of Progress Made Since The Second session of the joint commission.
- 2005/0019333(E)0.13/1/3/2. *Malaysia/Indonesia Co-operation in Fishing Industry in the Straits of Malacca*. Draft Agreement on Border Trade between the government of Malaysia and the government of the Republic of Indonesia.
- 2005/0019332(E)0.13/1/3/1. *Malaysia/Indonesia Trade Second Session of the Malaysia-Indonesia Commission on Trade and Economic Relations*. Malaysia/Indonesia Trade Brief Notes of Progress Made Since The Second session of the joint commission.
- 2005/0019338(E)0.13/1/3/6. *Malaysia/Indonesia Trade Second Session of the Malaysia-Indonesia Commission on Trade and Economic Relations*. Vol.2 Malaysia-Indonesia Commission on Trade and Economic

## Relations Fourth Session.

### **Nota Biografi**

Mohamad Akmal Bin Ibrahim (akmalibrahim13@yahoo.com) calon PHD, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris.